

# PM adakan rumah terbuka Hari Raya di Dewan Milenium 29 November

UM 16 NOV 2003

KEPALA BATAS 15 NOV — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri di Dewan Milenium di sini pada 29 November ini.

Perdana Menteri berkata, kebiasaannya beliau mengadakan rumah terbuka di kawasan Parlimen Kepala Batas pada hari Hari Raya kedua tetapi kali ini ia dianjurkan ke hari lain.

Secara berseloroh, beliau memberitahu, 'tidak manis' baginya sebagai Perdana Menteri mengadakan rumah terbuka hanya sehari di Kuala Lumpur.

Datuk Dr. Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri) pun rumah terbukanya diadakan selama dua hari. Mungkin anda ingat selepas menjadi orang besar, saya akan lupakan orang Kepala Batas tapi saya tak akan lupa sebab dari sinilah, saya boleh berada pada tahap sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menunaikan solat tarawih di Masjid Al-Arifi, Paya Keladi di sini malam ini.

Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; timbalannya, Datuk Dr. Hilmi Yahaya dan

beberapa ketua bahagian UMNO Pulau Pinang.

Dalam ucapannya, Abdullah turut menyatakan rasa syukur dengan sikap toleransi dan terbuka yang ditunjukkan umat Islam negara ini dengan mengamalkan hidup harmoni bersama kaum lain.

Katanya, kecenderungan positif itu sekali gus menangkis tanggapan pihak tertentu yang memandang serong terhadap Islam yang kononnya agama yang gemar membuat kacau dan mencetuskan huru-hara.